



**UniSHAMS**

## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)**

### **1. PENGENALAN**

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) komited untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]. Notis ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, merekod, menggunakan, menyimpan, mendedahkan, dan melupuskan data peribadi anda serta langkah keselamatan yang diambil bagi memastikan data anda dilindungi.

Untuk tujuan Notis ini, ungkapan seperti "kami" adalah merujuk kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan UNISHAMS SDN. BHD., manakala ungkapan "anda" adalah merujuk dan merangkumi pelajar, pelanggan, bakal pelanggan, orang yang berkaitan seperti ibu bapa / penjaga pelajar, bakal pelajar atau bekas pelajar, pengarah dan kakitangan kami, calon temuduga jawatan, pelanggan korporat, penjual, pembekal, pembekal perkhidmatan dan wakil sah yang menerima perkhidmatan, mendapatkan perkhidmatan dari kami ataupun yang memberikan perkhidmatan kepada kami.

### **2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Data peribadi yang dikumpul adalah merangkumi maklumat mengenai nama anda, alamat (seperti alamat surat-menyurat dan alamat tetap), nombor telefon (seperti nombor telefon bimbit, rumah dan telefon pejabat), nombor faksimili, alamat e-mel, nombor kad pengenalan, nombor pasport, contoh tandatangan, umur, tarikh lahir, jantina, keturunan, kewarganegaraan, negara asal, nama syarikat, pekerjaan, gaji, jawatan kerja, nombor kad kredit, sejarah kredit, kepercayaan agama, keadaan kesihatan dan maklumat perubatan, maklumat sabitan jenayah, maklumat penaja, maklumat referee (seperti nama referee, jawatan kerja, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel), keputusan peperiksaan terdahulu, transkrip akademik, kelayakan akademik, rekod akademik, butiran bank (seperti nama bank, alamat bank dan akaun bank), imej (termasuk gambar) dalam format audio dan/atau video, rakaman kamera litar tertutup ("CCTV") dan keselamatan rakaman (secara kolektif disebut sebagai "Data Peribadi").

### **3. SUMBER DATA PERIBADI**

Kami memperolehi data peribadi anda daripada borang pendaftaran pelajar / staf (manual atau dalam talian); sistem permohonan dalam talian universiti, dan pihak ketiga yang sah, contohnya badan pembiayaan pendidikan.

Selain itu, kami memperolehi data peribadi yang disediakan / diberikan secara sukarela oleh anda, ibu bapa anda, penjaga, agen perekrutan, majikan anda, syarikat anda, penaja, di acara-acara yang dianjurkan atau disertai oleh Universiti dan/atau yang telah kami dapatkan dengan sendirinya dari lain-lain sumber-sumber yang sah (sekiranya ada dari repositori awam, direktori perniagaan / direktori atas talian, agensi pelapor kredit, domain awam dan pihak ketiga yang telah diberi kuasa) di dalam

borang-borang kami, perjanjian, laman sesawang, dan/atau lain-lain dokumen yang sehubungan dengannya.

#### **4. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami mengumpul dan memproses data peribadi anda (mengikut mana yang berkaitan dengan transaksi komersial) bagi mana-mana tujuan yang berikut:

- (i) untuk memudahkan transaksi komersial dengan anda dan untuk memenuhi obligasi kontraktual kepada anda di dalam penyediaan apa-apa perjanjian yang berkaitan (jika ada) dan untuk mengekalkan akaun dan rekod kami di dalam urusan perniagaan biasa kami;
- (ii) untuk memudahkan transaksi komersial dengan anda dan untuk memenuhi obligasi kontraktual kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada menilai permohonan/permintaan anda untuk mendapatkan perkhidmatan kami, untuk memproses permohonan kemasukan dan untuk menyediakan perkhidmatan akademik yang berterusan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pelajar, perkhidmatan kemudahan untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti permohonan visa dan perlindungan insurans, penyelenggaraan akaun dan rekod kami sendiri di dalam urusan perniagaan biasa kami;
- (iii) untuk mengesahkan identiti anda, menjawab pertanyaan, mengemaskini rekod anda, memproses bayaran yuran pengajian dan lain-lain bayaran yang berkenaan dan invois, resit, mengutip hutang, menyediakan lain-lain barang dan perkhidmatan seperti yang diminta di dalam urusan perniagaan biasa kami;
- (iv) untuk memudahkan keperluan khas seperti yang berkaitan dengan apa-apa ketidakupayaan atau keadaan kesihatan;
- (v) untuk berkomunikasi dengan anda melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menjurat dan/atau sebarang saluran komunikasi lain yang bersesuaian;
- (vi) untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, penjaga dan wakil-wakil yang diberi kuasa sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan;
- (vii) untuk memaklumkan kepada ibu bapa, penjaga, majikan anda, syarikat anda, penaja dan wakil-wakil yang diberi kuasa mengenai kemajuan pelajar dan permohonan kemasukan bakal pelajar, kemajuan akademik dan pendidikan pelajar, yuran pengajian pelajar dan lain-lain bayaran yang berkaitan;
- (viii) untuk memberitahu anda dan memberikan anda maklumat mengenai produk kami, barang, kemudahan, perkhidmatan, acara akan datang yang diminta oleh anda melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menjurat dan/atau lain-lain saluran komunikasi yang bersesuaian melainkan anda telah sebaliknya memberitahu kami bahawa anda tidak mahu kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut ke alamat seperti yang dinyatakan di perenggan bawah Notis ini;

- (ix) untuk menyediakan anda dengan risalah kami, terbitan berkala, pertandingan dan/atau tinjauan melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menyerat dan/atau lain-lain saluran komunikasi yang bersesuaian melainkan anda telah sebaliknya memberitahu kami bahawa anda tidak mahu kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut ke alamat seperti yang dinyatakan di perenggan bawah Notis ini;
- (x) menjalankan pemeriksaan yang bersesuaian untuk kepercayaan kredit di dalam urusan perniagaan biasa kami;
- (xi) untuk menjalankan kajian pemasaran dan analisis corak pendidikan pelajar;
- (xii) untuk siasatan dalaman, tujuan audit atau tujuan keselamatan;
- (xiii) penggunaan sistem CCTV bagi pencegahan jenayah;
- (xiv) penggunaan imej anda dalam bentuk gambar, rakaman audio atau video yang disunting oleh kami (tanpa bayaran atau pampasan kepada anda) untuk disiarkan di laman sesawang rasmi kami, hebahan e-mel dan media sosial di bawah seliaan kami bagi tujuan promosi, pemasaran, dokumentasi, laporan dan arkib yang kami perolehi semasa menghadiri program, aktiviti atau acara rasmi;
- (xv) untuk menguatkuasakan hak kontraktual dan hak undang-undang serta obligasi; dan
- (xvi) untuk memenuhi keperluan undang-undang dan keperluan peraturan.

## **5. PENZAHIRAN DATA PERIBADI (DI DALAM DAN / ATAU LUAR NEGARA)**

Kami akan menzahirkan data peribadi anda:

- (i) apabila dikehendaki oleh undang-undang, proses undang-undang, pertanyaan daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan / atau perkara yang berkaitan dengan hidup dan mati, keselamatan atau harta seseorang individu atau keselamatan atau harta kami; atau
- (ii) kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), lain-lain jabatan Kerajaan / agensi berkaitan yang mempunyai kuasa untuk bertindak secara perundangan; atau
- (iii) kepada pihak berkuasa untuk tujuan menguatkuasakan undang-undang seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia termasuk syarikat yang dilantik oleh pihak berkuasa yang berkenaan; atau
- (iv) kepada penaja anda termasuk ibu bapa dan/atau penjaga; atau
- (v) kepada ahli keluarga terdekat anda dan/atau seseorang yang boleh dihubungi semasa kecemasan sebagaimana yang dimaklumkan kepada pihak kami dari semasa ke semasa; atau

- (vi) kepada pekerja kami, perunding, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat, agen, kontraktor, penjual, rakan kongsi pemasaran bersama, pembekal perkhidmatan, syarikat-syarikat insurans, pedagang dan/atau institusi kewangan untuk membekalkan sokongan dan perkhidmatan (yang tertakluk kepada undang-undang perlindungan data peribadi dan/atau perjanjian yang mengandungi terma berhubung pematuhan terhadap perlindungan data peribadi); atau
- (vii) kepada mana-mana pihak luar yang membuat permohonan kepada kami bagi apa-apa tujuan khusus setelah kami mendapat persetujuan daripada anda.

## **6. LANGKAH KESELAMATAN DATA**

Kami mengambil langkah berikut untuk melindungi data peribadi anda:

- (i) Penyimpanan data secara selamat dalam sistem yang dilindungi;
- (ii) Had akses kepada staf yang diberi kuasa sahaja;
- (iii) Pemantauan dan penyelenggaraan sistem keselamatan secara berkala; dan/atau
- (iv) Perjanjian perlindungan data dengan pihak ketiga yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

## **7. TEMPOH PENYIMPANAN DATA**

Data peribadi akan disimpan sepanjang tempoh yang perlu untuk tujuan pengumpulan data tersebut dan akan dilupuskan secara selamat apabila tidak lagi diperlukan, mengikut dasar, peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa di UniSHAMS dari semasa ke semasa.

## **8. HAK ANDA**

Anda berhak untuk:

- (i) Mengakses data peribadi anda yang disimpan oleh kami;
- (ii) Membetulkan atau mengemas kini data peribadi anda;
- (iii) Menghentikan sebarang bentuk komunikasi promosi produk kami kepada anda; dan
- (iv) Menarik balik persetujuan memproses data peribadi.

Sekiranya anda menarik balik persetujuan memproses data peribadi anda yang melibatkan data peribadi yang penting bagi operasi akademik atau pentadbiran, universiti mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan tertentu, contohnya tidak dapat mendaftar pelajar untuk kursus, tidak

dapat mengeluarkan transkrip atau sijil rasmi., tidak dapat memberikan akses kepada sistem e-pembelajaran, dan tidak dapat memproses bayaran balik yuran, biasiswa, atau pinjaman pelajar.

## **9. HUBUNGI KAMI**

Segala pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi anda boleh dikemukakan kepada:

Dr. Nadia Murshida Binti Abd Azzis  
Pegawai Perlindungan Data/ Penasihat Undang-Undang UniSHAMS  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
09300 Kuala Ketil  
Kedah Darul Aman  
No. Telefon : 04-499 1047  
E-mel : legal@unishams.edu.my

Anda dikehendaki membuat permohonan anda secara bertulis atas sebab-sebab keselamatan dan bagi tujuan pengesahan. Selaras dengan Peraturan-peraturan Data Peribadi (Fi) 2013, kami akan mengenakan fi yang telah ditetapkan bagi kesemua permohonan anda untuk mengakses data peribadi berdasarkan garis panduan khas.

Sekiranya kami menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda, kami akan memberitahu anda sebab-sebab penolakan permohonan tersebut.

## **10. PENGUBAHSUAIAN PADA NOTIS**

Kami akan menyemak dan mengemaskini Notis ini dari semasa ke semasa, berdasarkan kepada keperluan dan/atau perubahan yang dilakukan di dalam Akta. Versi Notis yang terkini akan disediakan kepada anda sekiranya anda membuat permintaan di alamat yang dinyatakan di atas atau ianya juga boleh didapati melalui pautan laman sesawang kami [www.unishams.edu.my](http://www.unishams.edu.my). Dengan menerima perkhidmatan, mendapatkan perkhidmatan dari ataupun memberikan perkhidmatan secara berterusan kepada kami, segala pengubahsuaian atau perubahan pada Notis ini merupakan penerimaan anda terhadap segala pengubahsuaian atau perubahan pada Notis ini.

## **11. KONFLIK**

Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan di antara Notis ini dalam versi bahasa Melayu dengan versi bahasa Inggeris, Notis dalam versi bahasa Melayu hendaklah digunakan dan didahulukan dari Notis versi bahasa Inggeris.

Tarikh terakhir dikemaskini pada : 12 Ogos 2025



## PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

**Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)**

### **1. INTRODUCTION**

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) is committed to protecting your personal data in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 [Act 709]. This notice explains how we collect, record, use, store, disclose, and dispose of your personal data, as well as the security measures taken to ensure your data is protected.

For the purposes of this Notice, expressions such as “we” refer to the Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS) and UNISHAMS SDN. BHD., while “you” refers to and includes students, customers, prospective customers, related individuals such as parents/guardians of students, prospective or former students, our directors and staff, job applicants, corporate clients, vendors, suppliers, service providers, and authorized representatives who receive services from us, seek services from us, or provide services to us.

### **2. COLLECTION OF PERSONAL DATA**

The personal data collected includes information such as your name, address (including mailing and permanent addresses), telephone numbers (such as mobile, home, and office numbers), fax number, email address, identification card number, passport number, signature sample, age, date of birth, gender, ethnicity, nationality, country of origin, company name, occupation, salary, job title, credit card number, credit history, religious beliefs, health condition and medical information, criminal record, sponsor information, referee information (such as referee’s name, job title, address, phone number, and email address), past examination results, academic transcripts, academic qualifications, academic records, bank details (such as bank name, bank address, and bank account number), image (including photographs) in audio and/or video format, closed-circuit television (“CCTV”) recordings and security recordings (collectively referred to as “Personal Data”).

### **3. SOURCES OF PERSONAL DATA**

We obtain your personal data from student/staff registration forms (manual or online); the university’s online application systems and authorized third parties such as education funding bodies.

In addition, we collect personal data voluntarily provided or disclosed by you, your parents, guardians, recruitment agents, your employer, your company, sponsors, at events organized or attended by the University and/or data that we have independently obtained from other legitimate sources (where applicable from public repositories, business directories / online directories, credit reporting agencies, public domains, and authorized third parties) through our forms, agreements, websites, and/or other related documents.

#### 4. PURPOSE OF PERSONAL DATA COLLECTION

We collect and process your personal data (as applicable to commercial transactions) for any of the following purposes:

- (i) to facilitate commercial transactions with you and to fulfil contractual obligations to you in providing any related agreements (if any) and to maintain our accounts and records in the ordinary course of business;
- (ii) to facilitate commercial transactions with you and fulfil contractual obligations, including but not limited to assessing your application/request for our services, processing admission applications, providing continuous academic and educational services, student services, facility services, as well as auxiliary services such as visa applications and insurance coverage, and maintaining our own accounts and records in the ordinary course of business;
- (iii) to verify your identity, respond to inquiries, update your records, process tuition fee payments and other relevant payments, invoices, receipts, debt collection, and provide other goods and services as requested in the ordinary course of business;
- (iv) to accommodate special needs relating to any disabilities or health conditions;
- (v) to communicate with you via SMS, telephone calls, emails, facsimiles, postal mail, and/or any other appropriate communication channels;
- (vi) to communicate with your parents, guardians, and authorized representatives in the event of an emergency or accident;
- (vii) to inform your parents, guardians, employer, company, sponsors, and authorized representatives regarding student progress, prospective student applications, academic and educational progress, tuition fees, and other related payments;
- (viii) to notify and provide you with information about our products, goods, facilities, services, and upcoming events requested by you via SMS, telephone calls, emails, facsimiles, postal mail, and/or other appropriate communication channels unless you have informed us otherwise that you do not wish for us to process your Personal Data for such purposes, in accordance with the address stated in the paragraph below this Notice;
- (ix) to provide you with our brochures, newsletters, competitions, and/or surveys via SMS, telephone calls, emails, facsimiles, postal mail, and/or other appropriate communication channels unless you have informed us otherwise that you do not wish for us to process your Personal Data for such purposes, in accordance with the address stated in the paragraph below this Notice;
- (x) to carry out appropriate creditworthiness checks in the ordinary course of business;
- (xi) to conduct marketing research and analysis of student education trends;
- (xii) for internal investigations, audit purposes, or security purposes;

- (xiii) for the use of CCTV systems in crime prevention;
- (xiv) for the use of your image in the form of photographs, edited audio or video recordings (without payment or compensation to you) for publication on our official website, email announcements, and social media under our management for the purpose of promotion, marketing, documentation, reporting, and archiving, obtained during participation in official programs, activities, or events;
- (xv) to enforce contractual and legal rights and obligations; and
- (xvi) to comply with legal and regulatory requirements.

## **5. DISCLOSURE OF PERSONAL DATA (WITHIN AND/OR OUTSIDE THE COUNTRY)**

We may disclose your personal data:

- (i) when required by law, legal processes, inquiries from relevant authorities, and/or in matters relating to life and death, the safety or property of an individual, or our own safety or property; or
- (ii) to the Ministry of Higher Education (MOHE), the Malaysian Qualifications Agency (MQA), and other government departments/agencies that have legal authority to act; or
- (iii) to law enforcement authorities such as the Royal Malaysia Police, the Immigration Department of Malaysia, including companies appointed by such authorities; or
- (iv) to your sponsor, including your parents and/or guardians; or
- (v) to your next of kin and/or any emergency contact person as notified to us from time to time; or
- (vi) to our employees, consultants, accountants, auditors, lawyers, advisors, agents, contractors, vendors, joint marketing partners, service providers, insurance companies, merchants, and/or financial institutions who provide support and services (subject to personal data protection laws and/or agreements containing terms relating to personal data protection compliance); or
- (vii) to any third party who submits a request to us for specific purposes with your consent.

## **6. DATA SECURITY MEASURES**

We take the following steps to safeguard your personal data:

- (i) Secure storage of data within protected systems;
- (ii) Restricted access limited to authorised staff only;
- (iii) Regular monitoring and maintenance of security systems; and/or

- (iv) Data protection agreements with relevant third parties.

However, you are responsible for safeguarding your own password and ensuring it is not disclosed to any third party to prevent unauthorised access to your personal data.

## **7. DATA RETENTION PERIOD**

Personal data will be retained for as long as necessary to fulfil the purpose for which it was collected and will be securely disposed of once it is no longer needed, in accordance with the policies, regulations, and circulars enforced at UniSHAMS from time to time.

## **8. YOUR RIGHTS**

You have the right to:

- (i) Access your personal data held by us;
- (ii) Correct or update your personal data;
- (iii) Opt out of receiving any promotional communications from us; and
- (iv) Withdraw your consent for the processing of your personal data.

If you withdraw consent for the processing of personal data that is critical to academic or administrative operations, the university may be unable to provide certain services, such as course registration, issuance of transcripts or official certificates, access to e-learning systems, and processing of fee refunds, scholarships, or student loans.

## **9. CONTACT US**

Any inquiries or complaints regarding your personal data may be directed to:

Dr. Nadia Murshida Binti Abd Azzis  
Data Protection Officer / Legal Advisor UniSHAMS  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
09300 Kuala Ketil  
Kedah Darul Aman  
No. Telefon : 04-499 1047  
E-mel : [legal@unishams.edu.my](mailto:legal@unishams.edu.my)

All requests must be made in writing for security and verification purposes. In accordance with the Personal Data Protection (Fees) Regulations 2013, a prescribed fee will be charged for all requests to access personal data based on specific guidelines.

If we reject your request to access and/or correct your personal data, we will provide the reasons for the rejection.

## **10. CHANGES TO THE NOTICE**

We will review and update this Notice from time to time, based on requirements and/or changes made under the Act. The latest version of this Notice will be made available upon request at the address stated above or through our website at [www.unishams.edu.my](http://www.unishams.edu.my). By continuing to receive, obtain, or provide services to us, you are deemed to have accepted any such modifications or changes to this Notice.

## **11. CONFLICT**

In the event of any inconsistency between the Malay and English versions of this Notice, the Malay version shall prevail.

Last updated on : 12 August 2025